

PM mahu Harimau Malaya bangkit
Utusan Online
27 November, 2012

KUALA LUMPUR 26 Nov. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mahu pasukan Harimau Malaya bangkit semula selepas tewas kepada Singapura dalam perlawanan pembukaan Kumpulan B Piala Suzuki AFF semalam.

"Walaupun keputusan bukan di pihak kita, kita semua mahu Harimau Malaya bangkit semula.

Malaysia, raihlah kemenangan pada perlawanan seterusnya," katanya dalam laman Twitternya, hari ini.

Pasukan Harimau Malaya tewas 0-3 kepada Singapura dalam perlawanan itu yang berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil malam tadi.

Malaysia akan menentang Laos Rabu ini sebelum bertemu Indonesia pada 1 Disember.

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121127/dn_04/PM-mahu-Harimau-Malaya-bangkit#ixzz2IDDpwqUy

© Utusan Melayu (M) Bhd

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20121127/dn_04/PM-mahu-Harimau-Malaya-bangkit